

**NILAI-NILAI PEMBANGUNAN MODAL INSAN MENURUT AL-GHAZALI**Faizatul Najihah binti Mohd Azaman,<sup>a\*</sup> Faudzinaim bin Badaruddin,<sup>b</sup><sup>a,b</sup> Jabatan Usuluddin dan Falsafah,

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>\*</sup>Corresponding authors: Email : [najihahelfaizah@gmail.com](mailto:najihahelfaizah@gmail.com). No Tel: 0192318560**Article history**

Received: 2015-06-01

Received in revised form: 2015-09-29

Accepted: 2015-10-18

**Abstract**

This qualitative study intended to entail human capital development element according to al-Ghazali. Literature review has been done throughout this study using primary and secondary sources and also obtaining opinion and approval from three experts in psychology and sufism. Researcher used the analytical content that is then categorized according to thematic method. Findings obtained concluded that there are three themes. First theme al-Ghazali concept of human capital development is further divided into three components. The first one being achieving balance between spiritual and physical development. Second component stressing that the spiritual component is further divided into four equally crucial parts namely; ruh, nafs, qalb and mind. Third component is mainly about relationship of mankind to Allah s.w.t that involves knowledge and relationship amongst mankind that involves deeds. Second theme entails the human capital development that puts Islam, Iman and Ihsan as the main key point in its framework. Even al-Ghazali himself established a stepwise methodology of this theme; mujahadah al-nafs, riyadah al-nafs with its peak being tazkiyah al-nafs. Last concept discussing about the spiritual values that contains the dichotomy of positive and negative values. The positive values is referring to the part in Ihya' book namely the munjiyat (the ways to salvation) while the negative values are referred as muhlikat (the ways to perdition). It is the researcher interest for this al-Ghazali advancement of thoughts is being implemented in each and every human capital development models and modules as it is truly still relevant for today's application.

**Keywords:** Al-Ghazali, Values and Human Capital Development.**Abstrak**

Kajian kualitatif ini memperincikan elemen pembangunan modal insan menurut al-Ghazali. Kajian dilakukan menggunakan kepustakaan menerusi sumber primer dan sekunder selain mendapatkan pandangan serta pengesahan daripada tiga pakar yang terlibat di dalam bidang psikologi dan tasawuf. Pengkaji menggunakan analisis kandungan yang hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Dapatan kajian mendapat terdapat tiga tema pembangunan modal insan al-Ghazali. Pertama, pembangunan modal insan beliau yang mempunyai tiga ciri. Ciri yang pertama adalah penyeimbangan pembangunan rohani dan jasmani. Kedua, komponen rohani yang mempunyai empat bahagian iaitu ruh, nafs, qalb dan akal. Ketiga hubungan manusia dengan Allah SWT yang melibatkan ilmu dan hubungan sesama manusia yang melibatkan amal. Tema kedua adalah kerangka pembangunan modal insan yang mengutamakan Islam, Iman dan Ihsan. Malah, beliau juga menggunakan metodologi beliau tersendiri iaitu mujahadah al-nafs, dan riyadah al-nafs. Kemuncaknya adalah tazkiyah al-nafs. Tema ketiga adalah nilai-nilai kerohanian iaitu terdapat nilai positif dan negatif. Nilai positif merujuk kepada bahagian di dalam kitab Ihya' iaitu munjiyat (perbuatan yang menyelamatkan) manakala nilai negatif dilihat pada muhlikat (perbuatan yang membinasakan). Pengkaji mengharapkan pembangunan al-Ghazali ini diimplementasikan di dalam setiap model dan modul pembangunan modal insan kerana ianya masih relevan untuk diaplikasikan pada masyarakat masa kini.

**Kata kunci:** Al-Ghazali, Nilai-nilai, Pembangunan Modal Insan.

## **1.0 PENGENALAN**

Ketamadunan masyarakat yang baik adalah bermula dari pembangunan kemanusiaan daripada aspek dalaman dan luaran yang seimbang. Perbincangan mengenai pembangunan ini sememangnya telah menjadi perkara akar kepada setiap permasalahan ummah dari zaman silam sehingga sekarang. Maka tidak hairanlah apabila ramai tokoh ilmuwan Islam yang turut membincangkan mengenai aspek kepembangunan yang perlu dititikberatkan sebagaimana Ibn Khaldun (Faridah & Tengku 2006) dan Ibn Sina (Wan Suhaimi 2013). Nama-nama besar ini memainkan peranan penting di dalam membangunkan manusia menurut kaedah masing-masing. Begitu juga dengan Hujjatul Islam yang ulung, al-Ghazali. Menerusi kitabnya yang terkemuka, *Ihya<sup>c</sup> Ulumuddin* yang mempunyai 6 jilid kebiasaannya. Kesemuanya sudah cukup lengkap sebagai panduan individu Islam untuk menjadi insan yang berilmu dan beramal. Kajian ini cuba menyelusuri peradaban pembangunan modal insan menurut al-Ghazali daripada segi kaedahnya, metodologinya dan nilai-nilai yang diajarkan kepada masyarakat seluruhnya.

## **2.0 LATAR BELAKANG AL-GHAZALI**

Al-Ghazali digelar sebagai Hujjatul Islam al-Imam Abu Hamid al-Ghazali atau nama sebenarnya adalah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad At-Thusi. Digelar dengan gelaran Zainuddin, beliau lahir di Thus dari iklim Khurasan pada tahun 450 Hijrah/1058 Masihi. Mengenai gelarannya, Al-Ghazali, beliau pernah mengatakan mengikut riwayat Syeikh Taqiyuddin di dalam Ibnu Shilah dengan sanadnya yang disandarkan kepada Al-Ghazali (As-Syami 1993, Noor Shakirah 2008).

Ghazalah ialah salah sebuah kampung di Thus di satu daerah di pinggiran kota. Bapanya seorang penenun wool dan mempunyai sebuah kedai juga di Thus. Sebenarnya, tidak banyak periwayatan sempurna mengenai keluarga Al-Ghazali ini. Namun, daripada segi bilangan individu, keluarga Al-Ghazali terdiri daripada bapa, ibu dan dua anak, Muhammad dan Ahmad. Adiknya, Ahmad memilih untuk menyelami ilmu mistik, berlainan dengan Al-Ghazali yang ketika itu lebih menumpukan fiqh daripada Ahmad Al-Radzhkani di Tus. Ketika itu beliau telah berkahwin namun nama isterinya tidak diketahui. Saudara serahim Al-Ghazali yang bernama Ahmad yang digelar Abu Al-Futuh juga tidak jauh bezanya sejarah dengan Al-Ghazali. Abu Al-Futuh juga adalah orang pertama yang meringkaskan kitab *Ihya<sup>c</sup>* dan menamakannya dengan *Lubab Al-Ihya<sup>c</sup>*. Beliau telah meninggal dunia pada 520 Hijrah, lima belas tahun selepas kematian saudaranya Al-Ghazali telah berkahwin di usia muda, dan dikurniakan beberapa orang anak serta mempunyai seorang anak lelaki tunggal yang bernama Hamid. Namun Hamid telah meninggal dunia semasa kecil (As-Syami 1993, H.M Amin & Masyharuddin 2002). Bagaimanapun menurut Noor Shakirah (2008), ibunya masih hidup ketika bapanya meninggal dan tinggal di Baghdad.

Al-Ghazali diiktiraf sebagai individu yang istimewa kerana memiliki kurniaan yang cukup unik. Beliau mempunyai kesungguhan dan ketabahan yang menakjubkan. Seluruh waktunya tidak terbuang untuk waktu yang sia-sia namun dipenuhi dengan aktiviti ilmu dan amalan. Beliau telah menempati ilmuwan Islam yang terulung ketika usianya 34 tahun. Allah SWT telah mengurniakan juga iradat iaitu semangat yang kuat dimana beliau mampu menguasai seluruh perjalanan kehidupannya secara menyeluruh. Sungguhpun beliau mengalami perubahan yang mendapati kepalsuan di dalam hidupnya, namun beliau tidak putus asa untuk mencari sebuah kebenaran. Sehingga kebenaran itu menemukan beliau dengan tasawuf. Sikapnya yang suka memuhasabah diri dan tidak meletakkan diri dalam zon selesa adalah patut dicontohi. Apabila beliau berada dalam fasa kesenangan dan zon selesa, beliau masih mampu untuk menoleh kebelakang, menghitung-hitung betapa palsu dan salahnya niat yang terhala iaitu hanya untuk mengumpul kemewahan serta bukanlah ikhlas kerana Allah SWT.

Beliau telah menghembuskan nafasnya terakhir pada 14 Jamadil Akhir tahun 505H bersamaan dengan 19 Disember 1111M dengan kitab hadith di atas dadanya. Ketika itu, beliau telah kembali ke Tus

setelah meneruskan hidup seperti biasa beruzlah dan bertafakur. Fakhr Al-Mulk memintanya untuk kembali mengajar sebagai profesor ilmu akidah di Maktab Maimunah Nizamiyyah di Nishapur. Dengan perasaan berat beliau memenuhi permintaan tersebut, dan kembali semula ke Tus selama beberapa ketika. Namun apabila diminta oleh wazir al-Said kemudianya untuk mengajar di Nizamiyyah Baghdad, beliau berteges untuk menetap di Tus dengan anak muridnya yang lain. Saat kematianya diceritakan oleh Ibn Jawzi yang didapati daripada saudara al-Ghazali. Beliau meninggal pada waktu Subuh sebelum matahari naik dengan meminta dibawakan kain kafan kepadanya. Dengan taat dan penuh seluruh persediaan, beliau melunjurkan kaki, mengadap kiblat dan menutup mata buat selama-lamanya (El-Muhammady 2004).

Al-Ghazali tidak menyebutkan mengenai pembangunan modal insan secara langsung. Namun menerusi kitab-kitabnya dapatlah dilihat bahawa beliau menekankan pembangunan insan menerusi penerangan yang jelas mengenai komponen manusia dan manifestasi daripada dalaman tersebut (Salasiah 2015). Menurut Che Zarrina (2015), kitab *Ihya<sup>c</sup> Ulumuddin* banyak membincangkan mengenai pembangunan insan ini. Sememangnya banyak lagi kitab-kitabnya yang turut menekankan mengenai pembangunan sebagai contoh *Mizan Al-<sup>c</sup>Amal* yang merupakan karya yang lebih tua dari *Ihya<sup>c</sup> Ulumuddin* (Abd Salam 2003:44). Pun begitu, *Mizan Al-<sup>c</sup>Amal* ditulis ketika al-Ghazali menjadi rektor di Madrasah Nizamiyyah di Baghdad. Karya ini memiliki ciri-ciri falsafah dan sufi sekaligus, berbanding dengan *Ihya<sup>c</sup> Ulumuddin* yang menfokuskan secara mendalam mengenai tasawuf. Malah di dalamnya mempunyai perbincangan mendalam mengenai ilmu fiqh, kemasyarakatan, akhlak (Abd Salam 2003) juga pengharmonian daripada segi aspek Islam meliputi tauhid yang mempunyai ilmu dan amal padanya (Kamal Azmi 2014).

Beliau menyeluruhi kitabnya daripada semua aspek Islam menjadi satu sebagaimana manusia yang terbina daripada pelbagai komponen namun terdiri menjadi individu. Demikian juga Islam yang bertindak balas terhadap manusia menerusi tiga aspek dalam bentuk koordinasi yang menakjubkan. Al-Ghazali menjelaskan bahawa beliau mencapai pandangan yang menyeluruh ini yang merangkumkan perkara islam adalah ilmu zahir dan batin. Ilmu zahir adalah ilmu mengenai amalan anggota dan ilmu batin meliputi amalan di dalam hati atau dalaman. Adapun amalan yang melibatkan anggota ianya akan menjadi dua, samada adat atau ibadat. Manakala pula amalan yang melibatkan dalaman hati samada terpuji atau tercela. Selain daripada aspek ilmu pengetahuan yang ditekankan sebagaimana dipermulaan kitab, Al-Ghazali sangat menekankan penyucian jiwa dan ianya adalah sangat sedikit disentuh oleh pengarang lain sebelumnya. Beliau membahaskan mengenai akhlak daripada segi faktornya, sumbernya menerusi pembahasan yang cukup teliti dan terperinci. Beliau membicarakan penyakit hati beserta dengan sebab-sebab, rawatannya dan cara merawatnya (As-Syami 1993).

Kamal Azmi (2014) menyatakan bahawa melalui penguzlahannya adalah titik permulaan kembara Al-Ghazali di dalam membangunkan dirinya menerusi pencarian ilmu. Kesungguhan dirinya di dalam mencari ilmu ini dirakamkan di dalam kitab *Minqad<sup>c</sup> min Dalal*.

### **3.0 PEMBANGUNAN MODAL INSAN MENURUT AL-GHAZALI**

Al-Ghazali juga adalah salah satu tokoh yang membincangkan banyak mengenai pembangunan manusia menerusi pembentukan akhlak. Kedua-duanya ditekankan dalam kitab *Ihya<sup>c</sup> Ulumuddin* dan *Mizan al-<sup>c</sup>Amal*.

Secara umumnya, al-Ghazali tidak menyatakan secara jelas bahawa pembangunan modal insan secara definisi dan terminologi. Namun demikian, beliau telah membahaskan dan sentiasa menegaskan untuk membangunkan diri dan jiwa, asasnya adalah pembersihan jiwa. Malah, beliau sentiasa menekankan keseimbangan rohani dan jasmani dan tidak memberatkan mana-mana antara kedua-duanya (Salasiah, Fariza, Che Zarrina 2015). Manusia terdiri daripada komponen fizikal dan spiritual, namun beliau lebih menekankan aspek spiritual atau dalaman. Seiring dengan konsep penyampaian beliau di dalam *Ihya<sup>c</sup>* yang mengupaskan ilmu secara zahir dan batin (Yatimah & Mohd Tajuddin 2008).

Tambah Che Zarrina (2015), pembangunan insan al-Ghazali ini boleh dikatakan sebagai suatu proses perubahan kualiti hidup ke arah yang lebih baik. Beliau mengutamakan persoalan hati, kemudian perubahan hati. Daripada perubahan hati, ianya menyeluruhi hal pemikiran dan emosi sehingga kepada tingkah laku. Perubahan itu merujuk kepada perubahan yang buruk kepada yang baik dalam konteks hati, pemikiran, dan perasaan serta tingkah laku manusia itu sendiri. Gagasan al-Ghazali yang merupakan tazkiyah al-nafs, riyadah al-nafs dan *mujahadah al-nafs* menekankan persoalan hati. Ianya bermaksud spiritual. Daripada hati, ia kemudiannya mempengaruhi pemikiran. Melalui pemikiran, emosi berperanan samada suka, sedih, kecewa dan sebagainya yang dilahirkan menerusi tingkah laku. Akhir sekali tingkah laku menghubungkan kita dengan sosial.

### **3.1 KONSEP MANUSIA MENURUT AL-GHAZALI**

Al-Ghazali berpendapat bahawa manusia mempunyai identiti yang tetap dan tidak berubah. Ia merujuk kepada al-nafs iaitu jiwa. Al-nafs adalah zat yang berdiri sendiri, tidak bertempat, dan letaknya pengetahuan intelektual (Nasution 1996).

Al-nafs diciptakan ketika sel benih (*al-nuthfat*) memenuhi pensyaratan untuk menerimanya. *Al-nuthfat* adalah merujuk kepada sel benih yang telah pun menyatu dengan sel telur wanita pada Rahim. Dalam keadaan tertentu, *al-nuthfat* menerima *al-nafs*. Keadaan ini disebut *istiwa'* yang dipetik darinya menerusi ayat Quran.

فَإِذَا سَوَّيْتُهُ، وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُوحِي فَقَعُوا لَهُ سَجِدِينَ ﴿٢٩﴾

*Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan) Ku, maka hendaklah kamu sujud kepada-Nya. (Surah Al-Hijr 15:29)*

Penciptaan *al-nafs* ke dalam *nuthfah* disebut sebagai *nafkh*. *Al-Nafkh* adalah bermaksud *al-jud al-ilahi* kemurahan Tuhan yang memberi kewujudan kepada segala sesuatu yang menerima kewujudan. *Al-jud* ini mengalir dengan sendirinya (*fayyad bin nafsih*) di atas hakikat yang diciptakan-Nya. Dari segi *nuthfat*, *al-nafkh* bermaksud kesempurnaan keadaan untuk menerima, sehingga *al-nafs* tercipta pada *al-nuthfat* oleh Tuhan (Nasution 1996).

Manusia terbahagi kepada empat komponen ianya meliputi *qalb*, *al-ruh*, *al-nafs*, *al-aql*. Hati adalah struktur paling utama dan penting di dalam pengawalan semua komponen manusia. Hati letaknya tempat kebaikan dan kejahanatan. Sekiranya hati dicemari dengan kejahanatan, maka segalanya akan rosak. Manakala *ruh* adalah unsur kejadian yang sama dengan malaikat dan bersifat *rabaniyyah*. Ia tidak kekal dan bersifat azali iaitu kecenderungan untuk melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Adapun, keadaan roh untuk meneruskan kebaikan tidak mampu dikekalkan kerana keinginan nafsu. Nafsu mempunyai dua unsur iaitu *hayawanah* dan *syaitoniyah*. Kedua-dua unsur tersebut bagaimanapun mengarah kepada pelampiasan nafsu semata-mata. Bagaimanapun, nafsu boleh berubah kepada tiga nafsu iaitu *mutmainnah*, *lawwamah*, dan *ammarah*. Seterusnya adalah akal yang merupakan unsur tertinggi dalam diri manusia dan ianya adalah satu tenaga yang membezakan manusia dengan haiwan (Nasution 1996, Noor Shakirah 2008). Beliau bagaimanapun menjelaskan menerusi *Ihya'* mengenai hati dan bala tenteranya secara batin (Al-Ghazali 2013).

Sesungguhnya badan itu ibarat Bandar, manakala akal adalah raja yang mentadbirnya. Kekuatan-kekuatan daya kesan yang terdiri daripada pancaindera-pancaindera yang zahir dan batin, ibaratkan bala tentera dan penolong-penolongnya. Anggota-anggota badan yang lain diibaratkan sebagai rakyatnya. Nafsu yang menyuruh melakukan kejahanatan yang tergambar pada syahwat dan sifat marah, ibaratkan musuh yang sentiasa menentang di dalam kerajaannya dan berusaha untuk membinasakan rakyatnya. Badannya pula bertindak sebagai benteng dan kubu. Nafsunya adalah sebagai orang yang menetap di dalam kubu. Semua mengawasi pergerakan musuh sehingga ia menentang dan mengalahkan musuh-musuhnya dengan cara menguasainya mengikut sesuatu yang diwajibkan yang akan menimbulkan kesan-

kesannya yang terpuji. Sekiranya ia mensia-siakan kubu pertahanannya dan mencuaikan rakyat jelatanya, ia akan menimbulkan kesan yang keji.

Keempat-empat komponen ini mempunyai tahap perkembangan yang berbeza. Unsur pertama yang berkembang selepas bayi lahir adalah *bahimiyyah* iaitu unsur haiwan yang merupakan *al-nafs*. Selepas itu unsur *sabiyyah* (kebuasan) dan *ghadab* (marah). Sewaktu usia *tamyiz* iaitu pandai membezakan baik dan buruk sewaktu usia tujuh tahun, unsur *syaitoniyah* bertapak di dalam jiwa kanak-kanak, kemudian diikuti dengan unsur *rabbaniyyah* (Nasution 1996).

a. *Qalb*

Al-Ghazali memberikan dua definisi terhadap *qalb* iaitu pertama dari segi material dan kedua dari spiritual (Nawab Ali 2010). *Qalb* daripada segi material mempunyai definisi yang umum, namun demikian kajian ini menfokuskan daripada segi kerohanian. Ia berkait rapat dengan roh manusia yang membawa amanah daripada Allah SWT, dihiasi dengan pengetahuan yang didasarkan dengan fitrahnya. Roh diarahkan untuk memandang kekuasaan Allah SWT malah roh adalah makhluk terakhir yang ada di Hari Kebangkitan nanti. Sebagaimana firman Allah SWT di Quran mengenai hati (Izuddin Taufiq 2002).

الَّذِينَ إِمَانُوا وَتَطَهَّرُ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطَهَّرُ الْقُلُوبُ ﴿١٣﴾

(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah".  
ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia. (Surah Ar-Ra'd 13:28)

Hati yang tenang adalah berlandaskan apa yang disuruh syariat. Hati yang tenteram ini adalah lembut dan penuh dengan kerohanian. Hati inilah tempat bernaungnya jantung dan ianya mampu menunjukkan keperibadian manusia secara tidak langsung. Hati dari segi kerohanian menurut al-Ghazali mempunyai hakikat, ciri-ciri, situasi dan pengelasan yang tertentu. Hati sekiranya tidak dijaga dengan baik mampu ditimpah sesuatu penyakit (Izuddin Taufiq 2002).

Daripada segi kriterianya, al-Ghazali mengupaskan bahawa setiap hati itu mempunyai sifatnya. Hati manusia itu memiliki sifat yang mulia kerana kemampuannya untuk mendekatkan dengan Pencipta-Nya. Berbanding dengan binantang yang dikuasai dengan syahwat dan sistem pertahanan dirinya untuk hidup. Menerusi kemampuan hati manusia yang istimewa itulah berasalnya ilmu pengetahuan dan kemahuan. Ilmu pengetahuan yang dimaksudkan adalah ilmu yang berkaitan dengan masalah dunia dan ukhrawi yang berkait pula dengan kerasionalan akal. Hanya manusia sahaja yang memiliki keupayaan ini. Kemahuan pula adalah daya dalam akal yang timbul daripada sesebuah gambaran sehingga muncul kerinduan untuk melakukan sesuatu yang memenuhi penyebab dan keinginannya.

Keadaan hati manusia itu adalah pelbagai. Al-Ghazali menunjukkan hal ini dengan jelas sebagaimana beliau mengumpamakan keadaan hati individu itu dengan tentera Allah SWT berdasarkan Quran.

وَمَا يَعْلَمُ جُنُودُ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ

...dan tidak ada yang mengetahui tentera Tuhanmu melainkan Dia sendiri... (Surah Al-Mudathir 74:31)

Berdasarkan perumpamaan dan keselarasannya yang difirmankan oleh Allah SWT, al-Ghazali membahagikan situasi tentera itu ada dua bahagian iaitu tentera yang terlihat dengan pandangan mata dan keduanya tentera yang tidak dapat dilihat melainkan menerusi mata hati. Tentera terbahagi kepada tiga pengelasan iaitu pendorong, penggerak dan pancaindera. Sebagaimana al-Ghazali mengungkapkan,

Para tentera hendaklah memahami bahawa tentera zahir dari dalam diri mereka adalah naturi. Pertahanan diri dan tempatnya adalah pada kedua tangan, kedua kaki dan semua anggota tubuhnya. Sedangkan tentera batin mereka tempatnya adalah di otak.

Hati adalah pusat yang semua dari segala sifat yang dipengaruhi kepadanya. Apabila hati mendapat pengaruh yang baik, maka bersinarlah juga tindakan. Hati adalah sumber ilmu pengetahuan dan semua hal yang dipelajari tercetak di hati. Al-Ghazali menghubungkannya dengan mengungkapkan, “ilmu pengetahuan adalah esensi dari hati di mana di dalamnya terdapat banyak fakta dan informasi. Sedangkan sesuatu yang dipelajari merupakan refleksi dari ilmu pengetahuan sendiri.” Hubungan ilmu pengetahuan dengan hati sangat rapat namun akan lenyap disebabkan beberapa faktor yang meliputi seperti perkembangan hatinya yang belum sempurna sebagaimana hati anak kecil. Selain itu kemaksiatan dan dosa yang terkumpul di dalam hati akan menyebabkan ilmu pengetahuan. Ditambah pula dengan tersimpangnya hati dari hakikat kebenaran yang menjadi penghalang seperti kebodohan dan ketidaktahuan mengenai sesuatu yang dipelajari. Persiapan hati di dalam menerima ilmu pengetahuan adalah bersifat naluri. Ilmu pengetahuan yang akan termuat di dalam hati akan terbahagi kepada dua bahagian iaitu *ilmu 'aqliyyah* yang didapatkan daripada pemikiran manusia dan *ilmu syar'iyyah* yang didapatkan menerusi wahyu yang di bawa oleh Nabi. Hati tercipta dengan unik dan ajaib apabila ia mampu memancarkan ilmu pengetahuan dengan pelbagai pemikiran idea yang didapati menerusi proses berfikir dan mengingat. Namun demikian, ia mampu mengarahkan kepada dua bentuk iaitu pemikiran yang menyeru kejahatan, ianya digelar godaan dan pemikiran yang menyeru kebaikan yang dinamakan ilham (Izuddin Taufiq 2002).

Al-Ghazali mengklasifikasikan tiga bentuk hati iaitu pertama, hati yang tenang dan tenteram sebagaimana yang tercatat di dalam Quran (Izuddin Taufiq 2002).

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطَهَّرُ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطَهَّرُ الْقُلُوبُ ﴿١٣﴾

(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia. (Surah Ar-Ra'd 13:28)

Hati jenis ini terbangun dengan ketaqwaan dan disucikan daripada segala akhlak yang buruk dengan dilatih dengan kebiasaan yang baik. Bermula daripada hati ini, akan munculnya pemikiran yang baik dan berasal daripada-Nya. Kedua, hati yang lalai daripada mengingatnya sebagaimana juga di dalam Quran menyebutkan.

أَرَأَيْتَ مَنْ أَخْذَ إِلَهَهُ، هَوَنَهُ أَفَإِنَّ تَكُونُ عَلَيْهِ وَكِيلًا ﴿٢٥﴾

Nampakkah (Wahai Muhammad) keburukan keadaan orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai Tuhan yang dipuja lagi ditaati? Maka dapatkah kamu menjadi pemelihara ke atasnya? (Surah Al-Furqaan 25:43)

Untuk menggambarkan lagi keadaan hati yang lalai ini, al-Ghazali mengungkapkan bahawa hati yang lalai adalah hati yang sering disaluti oleh hawa nafsu yang hina beserta dengan akhlak yang buruk ditambah-tambah dengan keburukan yang lain. Ketiga, hati yang selalu berbolak balik antara untuk melakukan perbuatan yang baik atau buruk. Juga gambarannya diseluruhi menerusi Quran.

فَمَنْ يُرِدَ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيهِ، يَسْرَحُ صَدَرُهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدَ أَنْ يُضْلَهُ، تَجْعَلُ صَدَرُهُ ضَيْقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَعُّدُ فِي السَّمَاءِ

*Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya nescaya ia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam; dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya ia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya, seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya). Demikianlah Allah menimpakan azab kepada orang-orang yang tidak beriman. (Surah Al-An'am 6:125)*

Al-Ghazali menjelaskan hati tersebut adalah hati yang selalu menyeru keburukan dan kemudiannya datang pemikiran keimanan yang menyerunya kepada kebaikan. Setiap penyakit sudah tentu ada ubatnya. Metodologi yang digunakan oleh al-Ghazali di dalam terapinya adalah berdasarkan ilmu pengetahuan. Secara asasnya, hanya ilmu pengetahuan sahaja yang menjadi pengubat kepada segala penyakit. Penyakit yang bersifat fizikal, seseorang individu itu dinasihatkan supaya melakukan hal-hal yang berkaitan dengan pengubatan sakitnya dan yakin bahawa sakit dan sihah adalah proses yang dihasilkan melalui sebab dan akibat. Selain itu, keyakinan kepada doktor yang mampu merawatnya di dalam proses penyembuhan adalah seorang yang memiliki kepakaran dan ilmu pengetahuan. Supaya proses rawatan berjalan lancar, individu tersebut haruslah mengikuti segala nasihat doktor dan menjauhkan diri dari apa yang dilarangnya. Bagaimanapun, rawatan penyakit hati adalah berbeza dan lebih berbahaya berbanding dengan penyakit fizikal. Hal ini demikian kerana individu yang mengalami sakit hati tidak mengetahui bahawa ia sedang sakit kerana kesakitan itu tidak boleh dilihat dan tergambarkan. Malah, tidak ada doktor pun yang boleh merawat kesakitan hati dalaman.

Oleh itu, menurut al-Ghazali (Izuddin Taufiq 2002), nafs dan ruh mempunyai keterkaitan dengan hati. Beliau menggambarkan seumpamanya bahawa definisi hati itu sama dengan definisi jiwa. “Ketahuilah bahawa hati yang selalu dijaga dan didiami oleh malaikat adalah nafs atau jiwa yang penuh kelembutan, memiliki daya pancaindera yang kuat, suci dan dekat dengan Allah SWT. Dan bukan sesuatu yang berperwatakan yang ditupukan untuk pertama kalinya yang lebih mengarah kepada definisi ruh.” Begitu juga dengan definisi hati yang sama dengan definisi jiwa. “Hati adalah sesuatu yang membezakan orang antara orang yang berakal dari anak kecil, binatang ataupun orang hilang ingatan. Namun, khalayak umum lebih menyebutnya dengan sebutan akal.” Definisi hati adalah dengan menghubungkannya dengan nafs dan akal juga dilihat menerusi, “ketahuilah bahawa hati manusia mengundang semua muatan ini. Terkadang ia disamakan dengan akal, terkadang disamakan dengan ruh, dan terkadang pula disamakan dengan nafs atau jiwa manusia.”

Hati daripada segi material adalah menerusi ungkapan al-Ghazali (Izuddin Taufiq 2002)

اللَّحْمُ الصَّنْوِبِيُّ الشَّكْلُ الْمَوْدُعُ فِي الْجَانِبِ الْأَسْرِ مِنَ الصَّدْرِ وَهُوَ لَحْمٌ مُخْصُوصٌ، وَفِي بَاطِنِهِ تَجْوِيفٌ، وَفِي ذَلِكَ التَّجْوِيفِ دَمٌ أَسْوَدٌ هُوَ مَبْنُعُ الرُّوحِ وَمَعْذُنُهُ.

*Ia adalah sekelompok daging yang memancarkan bersebelahnya adalah jantung dan ianya terletak di dada di sebelah kiri. Ia adalah daging khusus dan di dalamnya terdapat rongga. Dalam rongga tersebut adanya darah hitam yang merupakan tempat bersemayamnya roh.*

#### b. Ruh

Roh terbahagi kepada dua maksud. Pertama adalah *al-ruh* yang merupakan suatu jisim halus yang daripada rongga hati jasmani. Roh tersebar di seluruh badan dengan perantaraan urat-urat dan otot. Hasil daripada perjalanan roh itulah ia menghidupkan perasaan, penglihatan, dan pendengaran. Kedua, ianya bersifat halus dan menakjubkan sehingga akal pemikiran manusia tidak dapat menandinginya(Nawab Ali 2010, Fariza et al 2008). Malah, Allah SWT menegah kita untuk mencari tahu sebagaimana yang tercatat di dalam Quran.

وَسَلُوْنَاكَ عَنِ الرُّوْحِ قُلِ الرُّوْحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيْتُمْ مِنْ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا

Dan mereka bertanya kepadamu tentang al-ruh. Katakan al-ruh itu dari perkara urusan Tuhanmu, dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja. (Surah Isra' 17:85)

Roh mempunyai hubungan semulajadi manusia dengan kesan perasaan atau emosi dalam diri individu (Fariza et al 2008).

c. Nafs.

Nafs juga mempunyai dua maksud. Pertama adalah nafsu yang merangkumi kekuatan marah dan syahwat dalam diri manusia. Maksud tersebut adalah biasa menurut pandangan ahli tasawuf kerana nafsu inilah yang menjadi faktor tercelanya sifat pada manusia. Nafsu ini haruslah dilawan dengan *mujahadah al-nafs*. Kedua pula adalah hakikat manusia atau zat. Ianya pula bergantung kepada beberapa keadaan. Al-Ghazali telah membahagikannya kepada tiga bahagian (Nawab Ali 2010, Fariza et al 2008).

*Nafs al-mutamainnah* adalah nafsu yang tenang dan ianya adalah komponen nafsu yang baik dalam diri individu. Ia digambarkan secara tenang, mulia, dan ianya juga dirakamkan di dalam Quran (Fariza et al 2008).

يَأَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطَمَّنَةُ آرْجِعْ إِلَى رَبِّكَ رَاضِيَةً مَرْضِيَةً ﴿٤﴾

*Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang dengan kepercayaan dan bawaan baiknya! “Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati dengan segala nikmat yang diberikan lagi direhái di sisi Tuhanmu.”* (Surah Al-Fajr 89:27-28)

*Nafs al-lawwamah* adalah nafsu penyesalan yang merupakan komponen nafsu yang berada ditengah-tengah naluri manusia. Nafsu ini tidak mampu mencapai ketenangan sepenuhnya dan ianya berkecenderungan untuk bergerak dalam dua arah yang sama walaupun berbeza, iaitu kebaikan dan kejahanan. Quran ada menyebutkan mengenai nafsu ini.

وَلَا أُقْسِمُ بِالنَّفْسِ الْلَّوَامَةِ ﴿٥﴾

*Dan aku bersumpah dengan jiwa yang amat menyesali dirinya sendiri. (Surah Qiyamah 75:2)*

*Nafs al-ammarah* adalah naluri kejahanan yang sentiasa mengarahkan manusia melakukan kejahanan. Al-Ghazali menegaskan nafsu sebegini sangat berpengaruh ke atas tindakan manusia untuk memuaskan nafsu syahwat. Quran mengingatkan keberadaan nafsu ini di dalam diri manusia supaya setiap manusia itu sentiasa menyucikan dirinya.

وَمَا أَبْرَئُ نَفْسِي إِنَّ النَّفْسَ لَا مَارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحْمَ رَبِّيَ إِنَّ رَبِّيَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦﴾

*Dan tiadalah aku berani membersihkan diriku; sesungguhnya nafsu manusia itu menyuruh melakukan kejahanan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi. (Surah Yusuf 12:53)*

d. Aql

Akal juga mempunyai dua maksud iaitu pertama yang bermaksud ilmu meliputi padanya hakikat sesuatu yang terletak di dalam hati. Dengan kata lain, ia adalah sumber atau punca kepada ilmu. Kedua, akal adalah tempat untuk memahami dan mendapatkan ilmu pengetahuan dan fungsinya lebih kurang sama dengan hati. Akal adalah suatu keupayaan untuk menilai kembali baik atau buruknya sesuatu

perubahan. Keadaan begitu berlanjutan sehingga manusia berjaya mengambil manfaat daripadanya (Fariza et al 2008).

Berdasarkan empat komponen ini terdapat empat asas pokok bagi akhlak manusia yang meliputi empat bahagian iaitu kebijaksanaan (*al-hikmah*), keadilan (*al-adl*), keberanian (*al-syaja'ah*), dan akhir sekali *iffah* yang merujuk kepada pencegahan diri daripada perbuatan maksiat atau menjauhkan diri daripada perkara negatif (Abd Salam 2003). Kebijaksanaan (*al-hikmah*) yang dimaksudkan adalah tidnakan seseorang yang serasi antara ilmu dan amal. Asas daripada ilmu inilah, manusia mampu memilih baik atau buruk perkara yang baik dengan membuang perkara yang buruk. Keadilan (*al-adalah*) adalah jiwa yang dapat mencegah kemarahan dan hawa nafsu untuk mencapai hikmat tersebut. Keberanian (*al-syaja'ah*) adalah keteguhan hati dalam mempertahankan kebenaran. Akhir sekali *iffah* adalah mencegah diri daripada perbuatan maksiat dengan membuat kebaikan dan menghindarkan diri dari kejahanan (Abd Salam 2003).

### **3.2 KONSEP HUBUNGAN MANUSIA MENURUT AL-GHAZALI**

Hubungan manusia terbahagi kepada dua menurut al-Ghazali (Haque& Mohamed 2009). Hubungan yang pertama adalah hubungan dengan Allah SWT. Hubungan ini dilakukan menerusi suruhan ibadah yang merupakan komunikasi paling fundamental antara makhluk dengan Penciptanya. Oleh yang demikian terdapat dua perkara yang mesti ada di dalam hubungan ini iaitu ilmu dan amal. Setiap manusia memerlukan ilmu yang berpandukan syariat Allah SWT seiring dengan tindakan (Noor Shakirah 2008).

Hubungan dengan Allah SWT ini boleh dikatakan adalah tauhid yang mesti dipegang oleh umat Islam. Di dalam kitab *Ihya<sup>c</sup> Ulumuddin*, al-Ghazali telah menghuraikan hakikat tauhid dan membahagikan tauhid kepada empat peringkat (Taftazani 1996):

- a) Mengucap *la ilaha illallah* dengan lidahnya, tetapi hatinya lalai daripada memahami maknanya adalah tauhid orang munafiq.
- b) Mempercayai makna lafadz sebagaimana yang dipercayai yang sewajarnya oleh orang Islam adalah kepercayaan awam.
- c) Menyaksikan lafadz dengan cara kasyaf menerusi cahaya kebenaran adalah maqam orang yang hampir dengan melihat satu perkara itu terlahirnya perkara yang banyak.
- d) Tidak melihat yang wujud kecuali satu sahaja iaitu tauhid orang tasawuf.

Adapun, peringkat keempat ini adalah paling tinggi di dalam tauhid. Bagaimanapun secara realistiknya, untuk diaplikasikan kepada setiap lapisan masyarakat atau orang awam peringkat kedua adalah memadai.

Bagaimanapun, Muhammad Uthman (2007) menyatakan al-Ghazali juga menerapkan peringkat keempat hakikat tauhid dengan menerapkan pengalaman rohani sehingga manusia merasakan dirinya seperti tiada dan yang ada hanyalah Tuhan. Perbincangan beliau ini adalah menerusi nilai *mahabbah* atau kasih dan *al-uns* atau kejinakan. Beliau menegaskan bahawa “Tuhan kekal sebagai Tuhan walaupun ia tajalli dan hamba kekal hamba walaupun ia meningkat makamnya.” Menerusi pernyataan beliau ini dapat difahami bahawa akidah adalah Tuhan yang menjadikan, Kekal dan Sedia Ada. Manakala manusia pula adalah makhluk yang bersifat baharu.

Menurut al-Ghazali (Haque& Mohamed 2009), ilmu haruslah memahami keimanan daripada hanya menerima keimanan tersebut. Ianya adalah rukun iman iaitu beriman kepada Allah SWT, para rasul, malaikat, kitab-kitab, hari kebangkitan dan qada' dan qadar. Malah tegas Noor Shakirah (2008) kesemua ini adalah praktis utama kerohanian al-Ghazali. Pengetahuan sahaja tidak mencukupi untuk manusia menerima alam sekeliling tanpa berpandukan hubungan dengan Tuhan di mana kesedaran terhadap diri sendiri berlaku. Tindakan yang melalui ilmu lebih bermanfaat berbanding yang hanya melulu. Oleh itu di

dalam Islam melingkungi asas tersebut berdasarkan aspek keimanan yang mesti diterapkan seperti rukun utama yang meliputi pembersihan diri (*taharah*), solat, berpuasa, zakat, menunaikan haji, amar ma'ruf wa nahi munkar dan jihad yang menjurus kepada melawan nafsu diri sendiri. Hasil daripada bentuk ibadah inilah terhasilnya nilai-nilai kemampuan untuk mengawal diri, keberanian, bijaksana dan adil. Malah berkemampuan untuk mengelakkan perkara seperti marah, takut selain daripada Allah SWT, pengecut, berahi, dengki dan sebagainya (Noor Shakirah 2008).

Turut menegaskan hal ini adalah Che Zarrina (2015) yang menyatakan al-Ghazali sangat menekankan ilmu dan amal di dalam setiap kitab-kitabnya. Permulaan kitabnya sentiasa ditekankan mengenai ilmu dan pengakhirananya adalah amalan. Noor Shakirah (2008) dan Taftazani (1996) turut menambah, al-Ghazali sangat menekankan kepentingan ilmu dan amal menerusi pernyataan beliau bahawa kebahagiaan hanyalah boleh didapati menerusi ilmu dan amal.

*Jika engkau lihat kepada ilmu, engkau dapati ia adalah sesuatu yang menyukakan. Ilmu suatu yang dituntut dan jalan untuk seseorang menuju ke hari akhirat dan kebahagiaannya, dan jalan untuk menghampirkan diri kepada Allah tidak sampai kecuali dengannya. Ilmu sebesar-besarnya berkat untuk meningkatkan hak manusia kebahagiaan yang abadi, dan semulia-mulia jalan, dan tidak boleh sampai kepada amal kecuali dengan mengetahui cara beramal. Punca kebahagiaan di dunia dan di akhirat adalah ilmu (Taftazani 1996).*

Hubungan dengan orang lain pula adalah menurut al-Ghazali adalah mengenali diri sendiri. Hal ini dipetik menerusi firman Allah SWT.

سُرِّيهِمْ إِاَيَتَنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي اَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحُقُّ أَوْلَمْ يَكُفِ بِرِبَّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ

*Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa Quran adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu? (Surah Fussilat 41:53)*

Secara ringkasnya, tiada sesiapa yang mengenali diri sendiri. Untuk berhubungan baik dengan orang lain, sesuatu yang penting adalah mengenali diri sendiri terlebih dahulu. Menerusi kenali diri sendiri, manusia mampu mengenal Allah SWT seterusnya mengenali makhluk-makhluk ciptaan-Nya. Bermula mengenal diri sendiri, manusia mampu memahami siapakah dirinya, kenapakah dirinya diciptakan, bagaimana dirinya diciptakan, apakah tujuannya diciptakan. Seterusnya mampu mengikuti semua perintah-Nya dan mencapai kebahagiaan yang sejati (Haque & Mohamed 2009). Turut bersetuju hal ini adalah Che Zarrina bahawa setiap manusia harus memahami apakah fungsi hati, akal, ruh dan nafsu dalam diri. Bertitik tolak dari pemahaman secara maknalah, tindakan juga menjadi lebih tertib dan berhati-hati kerana memahami akibat sekiranya mengabaikan atau melebihkan sesuatu fungsi tersebut. Sebagai contoh, melebihkan nafsu dalam setiap hal, sudah tentu akan menjadi kotor dan hitam.

### 3.3 MODEL PEMBANGUNAN AL-GHAZALI


Sememangnya kajian mengenai al-Ghazali ini dilakukan samada secara teoritikal mahupun konseptual. Apapun kaedahnya, model-model pembangunan al-Ghazali ini menjelaskan secara jelas maksud pembangunan modal insan menurut al-Ghazali yang sebenar-benarnya. Di samping pengertian kerohanian yang disampaikan di dalam kitab-kitabnya terutama *Ihya<sup>c</sup> Ulumuddin*.

Pemikir Islam yang paling banyak membicarakan mengenai pembangunan jiwa dan manusia adalah al-Ghazali (Langgulung 1987). Oleh sebab itu, kajian mengenai konsep manusia, jiwa, pembangunan insan juga banyak dikaji di seluruh dunia. Sebagaimana satu laman sesawang yang dipelopori oleh

Muhammad Hozien<sup>1</sup> (2007) telah menyenaraikan kajian daripada seluruh dunia. Kajian meliputi daripada prosiding konferens, sehingga tesis di peringkat sarjana dan doktor falsafah. Sebanyak 103 tesis yang tiap-tiapnya melingkungi perbincangan mengenai al-Ghazali menerusi pelbagai aspek.

Rohana et al (2010) telah mengadaptasikan model pendidikan kerohanian yang dimulakan oleh Langgulung (1987). Model tersebut adalah sebagaimana rajah di bawah. Proses pembangunan diri adalah proses transformasi jiwa ke arah lebih baik. Hanya agama sahaja yang mampu membawa individu ke arah lebih baik kerana tanpa agama ianya akan membawa manusia kepada masalah kejiwaan pada masa kini (Rohana et al 2010). Oleh yang demikian pendidikan kerohanian yang ditekankan adalah elemen-elemen yang semestinya perlu difahami dan diketahui fungsinya sebagaimana rajah di bawah.

**Rajah 1: menunjukkan model pembangunan pendidikan spiritual**



Sumber : Rohana et al (2010)

Menerusi kajian ini, komponen manusia iaitu *nafs* terbahagi kepada tiga yang utama iaitu *nafs al-mutmainnah*, *nafs al-lawammah*, *nafs al-ammarah*. Proses pembangunan diri memerlukan kepada pemahaman mengenai nafsu-nafsu ini supaya dapat mengubahnya kepada kebaikan.


<sup>1</sup> Bermula pada 28 Jun 2001 sebagai laman sesawang mengenai Al-Ghazali adalah sebahagian daripada Islamic Philosophy Online (<http://www.muslimphilosophy.com/>). 2004, menyaksikan perkembangan dan pertambahan bahan mengenai Al-Ghazali. Bermula daripada itu, bahan-bahan mengenai Al-Ghazali dikumpulkan dalam laman sesawang sendiri iaitu <http://ghazali.org>. Tujuan laman sesawang ini dibangunkan adalah sebagai bantuan penyelidikan bagi sesiapa yang mengkaji mengenai Al-Ghazali yang boleh didapati menerusi manuskrip dan bahan penyelidikan primer.

Dari sudut kaunseling, kajian Salasiah (2010) melihat keperluan nilai-nilai keagamaan menurut al-Ghazali sebagai kajian implementasi di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAINS). Kajian beliau ini mengambil komponen kerohanian dari perspektif al-Ghazali iaitu *al-irshad al-nafsiyy* yang meliputi daripadanya adalah proses *tazkiyyah al-nafs*. *Tazkiyyah al-nafs* adalah proses pembersihan jiwa, hati dan diri manusia daripada sifat yang kotor kepada sifat yang baik dan murni. Usaha ini memerlukan keteguhan hati dan kesabaran yang padu. Oleh yang demikian, bagi menyelesaikan masalah kehidupan ini, ia memerlukan proses *mujahadah al-nafs* dan *riyadah al-nafs* supaya proses *tazkiyyah al-nafs* berjalan dengan lancar. Komponen *mujahadah al-nafs* menurut al-Ghazali yang diaplikasikan dalam kaunseling adalah pengawalan rasa marah, tidak bersikap dendki terhadap kejayaan orang lain, penjagaan pertuturan daripada mengungkapkan kata-kata kasar, tidak bersikap benci terhadap orang lain, tidak berdendam dan tidak menyombong diri. Komponen *riyadah al-nafs* yang diaplikasikan dalam kaunseling juga meliputi beberapa perkara iaitu kaunselor mencadangkan supaya individu itu melakukan amalan-amalan tertentu sebagai contoh menjaga solat lima waktu, melakukan solat-solat sunat yang lain, dan membaca Quran. Selain daripada itu menerima takdir, qada' dan qadar daripada Allah SWT dengan hati yang terbuka, kaunselor mencadangkan supaya bertaubat, yakin dengan hari pengakhiran, bertawakal setelah berusaha, berdoa dan bermuhasabah supaya setiap tingkah laku boleh diperbaiki. Keseluruhan kajian ini akhirnya mendapat bahawa terdapat jalinan yang signifikan antara nilai spiritual menurut al-Ghazali dengan keberkesanannya kaunseling di Pusat Kaunseling MAINS ini.

Khairani (2012) membincangkan mengenai kaedah pembangunan akhlak remaja menurut al-Ghazali. Kaedah pembangunan akhlak remaja adalah berdasarkan beberapa elemen iaitu; *tazkiyyah al-nafs* iaitu pembersihan jiwa supaya segala unsur negatif seperti marah, syahwat, dan emosi mampu dikawal berdasarkan petunjuk dari Allah SWT. *Mujahadah al-nafs* atau melawan nafsu dengan sepenuhnya daripada sifat yang buruk, dan menstabilkan emosi ke arah yang baik. Melazimi kebaikan pula adalah hasil daripada *mujahadah*, supaya ia menjadi kebiasaan dan tabiat yang sukar ditinggalkan. Membuat sesuatu yang bertentangan dengan akhlak yang buruk adalah mendominasikan sifat baik daripada sifat buruk. Sebagai contoh, bersabar dengan setiap kesusahan yang dihadapi, bersifat amanah dengan apa yang dipertanggungjawabkan dan sebagainya. Akhir sekali adalah *muraqabatullah* iaitu memahami bahawa Allah SWT satu-satunya yang menguasai dan mengawasi diri. Oleh yang demikian, kewaspadaan untuk melakukan kejahanatan akan terbinar disebabkan rasa takut dengan setiap dosa yang dilakukan. Kajian ini mendapat bahawa kaedah pembangunan akhlak al-Ghazali adalah sangat relevan dan harus diaplikasikan dalam proses pentarbiyan remaja.

Daripada sudut kaunseling, Yatimah & Mohd Tajuddin (2008) membina model al-Ghazali yang menekankan falsafah manusia iaitu hati, akal, jiwa dan fizikal. Beliau menekankan bahawa meskipun aspek dalaman manusia terdiri daripada roh, jiwa, hati dan akal, al-Ghazali sangat menitik beratkan hati sebagai perantara kepada yang lain. Begitu juga dengan pernyataan Salasiah (2015) yang menegaskan bahawa al-Ghazali menyediakan karya *Mukashafatul Qulb* yang merupakan bahagian bab di dalam *Ihya*<sup>c</sup> yang mengandungi pedoman untuk hati manusia.

Rajah 2 Manusia menurut al-Ghazali menurut model Yatimah & Mohd Tajuddin (2008)



Sumber : Yatimah & Mohd Tajuddin (2008)

Berdasarkan rajah di atas, aspek dalaman iaitu hati, akal dan jiwa dipengaruhi oleh ransangan pancaindera. Namun begitu, aspek dalaman inilah yang menentukan tingkah laku samada positif atau negatif.

Siti Sarawati & Ishak (2011) mengetengahkan model kerohanian al-Ghazali namun beliau melihat dari aspek kecerdasan emosi. Apabila membicarakan mengenai emosi, hati adalah unsur penting di dalam model ini. Manakala apabila melibatkan kerohanian, unsur-unsur manusia yang meliputi kepada nafsu, roh, akal adalah merangkumi model kerohanian al-Ghazali ini. Hati adalah unsur penting di dalam mempengaruhi sikap, perwatakan dan personaliti seseorang. Dari sudut perubatan, hati adalah seketul daging yang berfungsi untuk pengedaran darah ke seluruh tubuh. Manakala dari sudut rohani manusia, hati merupakan pusat segala tindakan manusia. Menerusi hati tindakan yang baik atau buruk akan terzahirkan. Oleh yang demikian, peranan akal di sini amatlah perlu di dalam membangunkan hati menerusi pencarian ilmu yang membawa kepada Pencipta. Manakala nafsu menurut al-Ghazali adalah keinginan dalam diri makhluk yang bernafas. Hasil daripada pembersihan hati menerusi pencarian ilmu, keinginan atau nafsu mampu dikawal. Nafsu terbahagi kepada tujuh yang dimulakan dengan tahap paling rendah iaitu nafsu ammarah, lawwamah, mulhamah, mutmainnah, radhiyah, mardhiah dan nafsu paling tertinggi adalah kamilah.

Secara asasnya, kerohanian menurut al-Ghazali adalah merujuk kepada empat bahagian yang paling utama dan penting di dalam diri manusia. Empat tersebut adalah qalb (Roslee & Ahmad Jazimin 2008), ruh, nafs, aql (Abd Salam 2003, Salasiah et al 2012, Yatimah & Mohd Tajuddin 2008). Ianya meliputi setiap aspek samada pendidikan ataupun pembentukan akhlak. Adapun kesemuanya adalah ciri-ciri pembangunan (Abd Aziz Yusuf 2012). Keseluruhananya, al-Ghazali menekankan kerangka pembangunannya iaitu komponen manusia yang mesti dipelihara.

Menurut Abd Jalil (2007) terdapat tiga teori pembangunan modal insan menurut al-Ghazali yang boleh diaplikasikan di dalam menangani masalah keruntuhan akhlak dan sebagainya. Pertamanya adalah '*traditional interaction theory*' yang merujuk kepada suasana kejiwaan yang mempunyai kriteria khusus di dalam mendefinisikan akhlak. Beliau merumuskan menerusi pernyataan yang boleh dianalogikan sebagaimana seorang ahli pimpinan yang cuba untuk meraih undi dengan memakai sifat pemurah dan belas ihsan yang sengaja ditunjukkan kepada masyarakat. Sudah tentu sikap itu tidak boleh dinamakan sebagai seorang yang pemurah.

Adapun (sebab mengapa) kita mengatakan bahawa jiwa memerlukan suasana yang kukuh sebat. Hal ini kerana seseorang yang muncul (daripadanya, secara jarang-jarang, laku perbuatan membelanjakan harta (misalnya) disebabkan keperluan tertentu yang mendatang, tidak boleh digelarkan sebagai seorang yang bersifat pemurah, selama mana sifat pemurah itu masih belum mantap secara kukuh dalam diri pelaku berkenaan. Dan sesungguhnya kita meletakkan syarat supaya kemunculan laku perbuatan itu pula hendaklah berlaku secara mudah, tanpa perlu kepada sebarang pertimbangan (lanjut). Hal ini pula kerana seseorang yang (hanya) dengan cara bersusah payah dan membuat pertimbangan mendalam (terlebih dahulu) menjadi terpaksa (misalnya) membelanjakan harta atau terpaksa berdiam diri ketika marah, tidak boleh digelarkan sebagai seorang yang bersifat pemurah dan bersifat lemah lembut.”

Oleh itu, secara asasnya, akhlak adalah gambaran diri individu secara keseluruhan samada baik atau buruk. Sekiranya ia baik, maka baiklah dalaman diri individu tersebut dan begitulah sebaliknya.

Kedua, adalah '*doctrine of mean*' yang merujuk kepada psikologi rohani individu. Sebagaimana jasadiah yang mempunyai kecantikan dan kesempurnaan yang bersifat fizikal, begitu jugalah dengan batiniah atau dalaman yang memerlukan aspek penentu yang mampu mempamerkan keindahannya. Aspek tersebutlah yang akan melahirkan perlakuan akhlak yang baik dan mulia iaitu empat rukun, pertama kekuatan atau daya ilmu, kedua kekuatan atau daya marah, ketiga kekuatan atau daya syahwat dan keempat kekuatan atau daya keadilan atau pertengahan dan kesederhanaan. Keempat rukun itu hendaklah dalam keadaan suasana yang baik dan wajar (Abd Jalil 2007).

Ketiga, nilai ‘al-birr’ dan potensi insan. Ianya mempunyai hubungan dengan suasana jiwa dan keseimbangan kekuatan dalaman diri manusia. Konsep *al-birr* adalah bermaksud himpunan segala perbuatan yang baik (*af’al al-khayr*). Perbuatan yang baik adalah perkara yang mampu menghasilkan kebaikan kepada individu atau kumpulan, malah berkemampuan untuk menghalang berlakunya kemudaratian dalam lingkungan individu atau kumpulan. Perlu ditegaskan setiap perbuatan tersebut adalah untuk mencari keredhaan Allah SWT dan bukanlah keredhaan manusia. Nilai kebaikan ini diukur dengan ditentukan oleh syarak bersamaan keredhaan Allah SWT (Abd Jalil 2007).

### 3.4 KERANGKA PEMBANGUNAN MODAL INSAN AL-GHAZALI


Metodologi pembentukan personaliti sekaligus membangunkan modal insan yang baik adalah berdasarkan tiga kaedah menurut al-Ghazali (Fariza et al 2013). Pertama adalah **tazkiyah al-nafs** yang merupakan proses penyucian jiwa daripada perkara yang keji dan kotor hasil daripada perbuatan yang jahat. Proses ini melibatkan usaha membersihkan jiwa daripada perkara mazmumah iaitu *takhalli* dan diikuti dengan usaha untuk menghiaskan jiwa dengan perkara mahmudah iaitu *tahalli*. Tentunya proses ini memerlukan kegigihan dan kesungguhan yang sangat padu.

Kedua, **mujahadah al-nafs** iaitu kesungguhan melawan nafsu dan menghapuskannya. Kaedahnya adalah dengan usaha untuk melawan nafsu dan syahwat. Terdapat dua mujahadah iaitu *mujahadah al-akbar* adalah yang paling besar dan mulia kerana menentang nafsu sendiri dari berbuat maksiat. *Mujahadah al-asghar* pula adalah melawan manusia yang kafir dan syirik kepada Allah SWT. Nilai-nilai negatif dalam diri manusia seperti dengki, cinta dunia, riak, bangga diri dan sebagainya mampu dihapuskan menerusi *mujahadah al-nafs* ini.

Ketiga, **riyadah al-nafs** iaitu selepas proses menyucikan diri, manusia hendaklah bermujahadah daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh-Nya menerusi dengan latihan jiwa sebagai contoh amalan-amalan. Riyadah al nafs sememangnya satu usaha yang sukar namun apabila ia menjadi kebiasaan, manusia akan berpegang kepada satu kebiasaan tersebut. Kaedah ini dilaksanakan dengan sentiasa mengutamakan ibadah wajib diikuti dengan sunat kemudian mengekalkannya.

Salasiah (2015) dan Fariza et al (2013) menegaskan kerangka al-Ghazali yang mendasari pembangunan manusia adalah sebagaimana rajah di bawah.

Rajah 3: Metodologi pembangunan modal insan al-Ghazali



Sumber: Fariza et al (2015)

## 4.0 PERBINCANGAN

Pengkaji membahagikan tiga tema dalam elemen pembangunan modal insan menurut al-Ghazali ini. Tema pertama dalam pembangunan modal insan secara umumnya adalah terbahagi kepada dua iaitu dalaman dan luaran yang merujuk kepada rohani dan jasmani (Muhammad Nubli 2007, Wan Mohd Nor 2014). Dalam pembangunan modal insan al-Ghazali, beliau menyeimbangkan dalaman dan luaran secara saksama (Fariza 2015). Kerohanian al-Ghazali menumpukan fungsi komponen dalaman manusia iaitu qalb, ruh, nafs dan ‘aql. Beliau menekankan kepentingan keempat-empat komponen tersebut menerusi karya-karyanya terutama *Ihya’ Ulumuddin*. Dari segi hubungan manusia, Al-Ghazali menekankan hubungan dengan Allah SWT yang mesti disandarkan pada ilmu sesuai dengan tindakan yang baik untuk memelihara hubungan sesama manusia pula (Haque & Mohamed 2009).

Tema kedua adalah melibatkan kerangka pembangunan modal insan menurut al-Ghazali. Che Zarrina (2015) menyatakan bahawa Ihya<sup>c</sup> Ulumuddin adalah satu-satunya kitab yang menekankan pembangunan manusia. Turut bersetuju dengan hal ini adalah Fariza (2015) bahawa kitab ini mengandungi perkara-perkara yang membincangkan secara khusus mengenai kejiwaan manusia. Sememangnya, dalam kerangka tasawuf, Islam, Iman dan Ihsan adalah tiga perkara paling utama yang mesti ditekankan. Begitu juga dengan tokoh ini yang sentiasa mengutamakan akidah yang mewakili keimanan, syariah yang mewakili rukun Islam dan akhlak dengan ihsan iaitu merasakan pandangan Allah SWT terhadap dirinya. Tegas Salasiah (2015) dan Che Zarrina (2015) pendekatan, metodologi dan kerangka pembangunan modal insan al-Ghazali adalah *tazkiyah al-nafs*, *mujahadah al-nafs*, kemudian barulah *riyadah al-nafs*. Ketiga-tiga pendekatan ini digunakan di dalam pendidikan samada bersifat formal ataupun tidak.

Tema ketiga adalah nilai-nilai kerohanian dalam pembangunan yang diterapkan oleh al-Ghazali. Untuk ini, berdasarkan temu bual yang dijalankan, Salasiah (2015) menyatakan nilai-nilai tersebut boleh diperolehi menerusi bab di dalam kitab Ihya<sup>c</sup> Ulumuddin. Nilai-nilai kerohanian itu adalah :


- |   |  |
|---|--|
| 1. Beriktiad dengan ahlu sunnah wal jama'ah.              | 21. Menjaga diri dari sifat yang takbur dan bangga diri          |
| 2. Mensucikan diri daripada kotoran fizikal dan spiritual | 22. Memelihara dari sifat yang mudah tertipu dengan dunia        |
| 3. Memelihara rukun Islam, solat, zakat, puasa dan haji.  | 23. Memahami fungsi nafs, roh, hati dan akal                     |
| 4. Membaca Al-Quran, berzikir dan doa.                    | 24. Mengetahui hakikat kebaikan dan keburukan akhlak.            |
| 5. Bertaubat  | 25. Mengawal marah, dendam, dan dengki.                          |
| 6. Sabar dan syukur                                       | 26. Menjaga diri dari sifat suka bermegah diri dan riya'         |
| 7. Fakir dan zuhud  | 27. Menjaga diri dari sifat yang takbur dan bangga diri          |
| 8. Tauhid dan tawakal                                     | 28. Memelihara dari sifat yang mudah tertipu dengan dunia        |
| 9. Cinta, kasih dan rindu kepada Allah                    | 29. Menjaga hak orang lain sewaktu ingin mengasingkan diri       |
| 10. Niat benar dan ikhlas                                 | 30. Memelihara keselamatan diri dan orang lain ketika bermusafir |
| 11. Muraqabah dan muhasabah                               | 31. Sentiasa mendengar orang lain                                |
| 12. Tafakur   | 32. Bersama-sama ‘amar maakruf dan nahi munkar                   |
| 13. Mengingati mati.                                      | 33. Mengikuti adab kehidupan dan pekerti cara Nabi SAW           |
| 14. Mencintai ilmu  | 34. Memelihara persekitaran                                      |
| 15. Menyebarluaskan ilmu                                  | 35. Memelihara harta dengan amanah diri dan riya'                |
| 16. Memelihara akal sebagai sumber letak ilmu             |  |
| 17. Memahami fungsi nafs, roh, hati dan akal              |  |
| 18. Mengetahui hakikat kebaikan dan keburukan akhlak.     |  |
| 19. Mengawal marah, dendam, dan dengki.                   |  |
| 20. Menjaga diri dari sifat suka bermegah diri dan riya'  |  |

Nilai-nilai kerohanian al-Ghazali ini terbahagi kepada dua iaitu nilai positif. Nilai-nilai negatif adalah berikut (Fariza et al 2013, Fariza 2015).

- |                       |                           |
|-----------------------|---------------------------|
| 1. Marah              | 5. Riak                   |
| 2. Dendam             | 6. Takbur dan bangga diri |
| 3. Dengki             | 7. Cintakan dunia         |
| 4. Suka bermegah diri |                           |

Pengkaji membawakan rajaht secara holistik untuk menggambarkan keseluruhan pembangunan modal insan menurut al-Ghazali ini.

**Rajah 4: Pembangunan modal insan dalam Al-Ghazali**



#### **Nilai positif:**

- (1) Beriktikad dengan ahlu sunnah wal jama'ah.
- (2) Mensucikan diri daripada kotoran fizikal dan spiritual
- (3) Memeliha rukun Islam, solat, zakat, puasa dan haji.
- (4) Membaca Al-Quran, berzikir dan doa.
- (5) Bertaubat
- (6) Sabar dan syukur
- (7) Fakir dan zuhud
- (8) Tauhid dan tawakal
- (9) Cinta, kasih dan rindu kepada Allah
- (10) Niat benar dan ikhlas
- (11) Muraqabah dan muhasabah
- (12) Tafakur
- (13) Mengingati mati
- (14) Mencintai ilmu
- (15) Menyebarkan ilmu
- (16) Memeliha akal sebagai sumber letak ilmu
- (17) Memahami fungsi nafs, roh, hati dan akal
- (18) Mengetahui hakikat kebaikan dan keburukan akhlak
- (19) Mengawal marah, dendam, dan dengki
- (20) Menjaga diri dari sifat suka bermegah diri dan riak
- (21) Menjaga diri dari sifat yang takbur dan bangga diri
- (22) Memeliha dari sifat yang mudah tertipu dengan dunia
- (23) Menjaga hak orang lain sewaktu ingin mengasingkan diri
- (24) Memeliha keselamatan diri dan orang lain ketika bermusafir
- (25) Sentiasa mendengar orang lain
- (26) Bersama-sama ‘amar maakruf dan nahi munkar
- (27) Mengikuti adab kehidupan dan pekerti cara Nabi SAW
- (28) Memeliha harta dengan amanah

#### **Nilai negatif:**

- (1) Marah
- (2) Dendam
- (3) Dengki
- (4) Suka bermegah diri
- (5) Riak
- (6) Takbur dan bangga diri
- (7) Cintakan dunia

Sumber: Al-Ghazali 2013, Fariza et al 2013, Salasiah 2015, Che Zarrina 2015, Fariza 2015, ubah suai dari pengkaji 2015.

## **5.0 KESIMPULAN**

Abd Aziz (2007) menyatakan bahawa orang awam sewajarnya mempelajari ilmu tasawuf daripada kitab Al-Ghazali. Sebagaimana Kautsar (dlm Abd Aziz 2007) menyatakan bahawa “tasawuf Al-Ghazali layak untuk orang awam dan tasawuf Ibn Al-Arabi sesuai untuk mereka yang telah mencapai tingkat tertinggi.” Oleh yang demikian, kesesuaian Al-Ghazali sebagai tokoh terpilih di dalam pembangunan modal insan adalah relevan. Masyarakat yang kering rohani wajar diberi latihan yang padu menerusi apa yang ditekankan oleh Al-Ghazali di dalam aspek membangunkan modal insan. Tidak dapat dinafikan

sumbangsan Al-Ghazali sehingga ke masa kini, menjadi rujukan seantero dunia, adalah petanda bahawa kita perlu merujuk kembali khazanah yang ditinggalkan. Keseluruhananya, pembangunan modal insan bukanlah satu bidang ilmu yang baharu. Namun disebabkan pelbagai isu dan ianya mestilah sejajar dengan keperluan masyarakat masa kini, kajian ini dilaksanakan. Sungguh pun begitu, latihan pembangunan dan model pembangunan dilihat sebagai kurang dilakukan kajian. Seharusnya model-model pembangunan mesti dikaji supaya baik buruknya dapat diperbaiki. Begitu juga dengan model pembangunan tokoh ulama terdahulu yang pada hakikatnya sangat memerlukan pendedahan kepada masyarakat globalisasi dan westernisasi ini. Kajian ini diharapkan dapat mendedahkan idea pembangunan modal insan secara inklusif dari model al-Ghazali.

## Rujukan

- al-Quran.
- Ab. Aziz Yusof. (2012). *Pembangunan Holistik dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd Jalil Borham. (2007). *Asas Pembangunan Modal Insan*. Pahang : Universiti Malaysia Pahang.
- Abdul Salam. (2003). *Imam Al-Ghazali Pendidikan Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2013). *Ihya<sup>c</sup> Ulumuddin*. Jil. 1&2. Cet. 6. Kaherah : Dar As-Salam.
- Asy-Syami, Ahmad Soleh. (1993). *Imam Al-Ghazali Hujjatul Islam wa Mujaddidu al-Mi<sup>r</sup>ah wal Khamsah*. Cet. 1. Damsyik : Dar Al-Qalm.
- Che Zarrina. (2015). Temu bual pada 13 Mac 2015. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- El-Muhammad. (2004). “Pemurnian Tasawuf oleh Imam al-Ghazali.” dlm *Dakwah Tarekat Tasawuf di Malaysia: Relevansi dan Cabaran*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan.
- Fariza. (2015). Temu bual pada 12 Mac 2015. Bangi: Institut Hadhari.
- Fariza et al. (2015). *Personaliti dari Perspektif Al-Ghazali*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam.
- Haque & Mohamed. (2009). *Psychology of Personality Islamic Perspectives*. Singapore: Cengage Learning Asia Pte Ltd.
- HM Amin & Masyharuddin. (2002). *Intelektualisme Tasawuf*. Semarang: Pustaka Pelajar.
- Izuddin Taufiq. (2002). *Al-Ta<sup>c</sup>shil Al-Islami lil Dirasaat an-Nafsiyah*. Kaherah: Dar As-Salam.
- Kamal Azmi. (2014). “Jihad Pendidikan: Satu Sorotan Kepada Autobiografi Al-Ghazali (1058M-1111M) Al-Munqidh min Al-Dalal.” *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 1(2014):55-68.
- Khairani. (2012). ”Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Imam Al-Ghazali: Aplikasinya dalam Program Tarbiah Sekolah-sekolah Menengah Aliran Agama Berasmara di Negeri Kedah, Malaysia.” *ATIKAN*. 2(1):79-94.
- Langgulung, Hasan. (1987). *Asas-asas Pendidikan Islam*. Jakarta : Pustaka Al-Husna.

- Muhammad Nubli. (2007). *Proses Pembangunan Modal Insan. dlm. Modal Insan, Konsep, Aplikasi & Isu-isu Kontemporari dalam Cabaran Pemerksaan Tamadun Insan.* Pahang: Universiti Malaysia Pahang.
- Muhammad Uthman. (2007). "Al-Ghazali dan Pentajididan Pemikiran dan Amalan Tasawuf." *Seminar Al-Ghazali: Tokoh Mujadid Agung.* Selangor: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Nasution, Muhammad Yasir. (1996). *Manusia menurut Al-Ghazali.* Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Nawab Ali, Syed. (2010). *Imam al-Ghazali: Moral and Religious Teaching.* Kuala Lumpur: A.S Nordeen.
- Noor Shakirah. (2008). *Al-Ghazali and His Theory of The Soul: A Comparative Study.* Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Rohana, Kamarudzaman & Roziah. (2010). "Spiritual Education Development Model." *Journal of Islamic and Arabic Education.* 2(2):1-12.
- Roslee & Ahmad Jazimin. (2008). "Punca, Kesan dan Langkah untuk Menangani Tingkah Laku Seksual Pelajar Mengikut Pendekatan Kaunseling Islam Masa Kini." dlm *Konvensyen Pendidikan Nasional 2008.* Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Salasiah. (2010). "Bimbingan Spiritual Menurut Al-Ghazali dan Hubungannya dengan Keberkesanan Kaunseling: Satu Kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (PK MAINS)." *Jurnal Islamiyyat.* 32(41-61).
- Salasiah. (2015). Temu bual pada 10 Februari 2015. Bangi: Fakulti Pengajian Islam.
- Siti Sarawati & Ishak. (2011). *Kecerdasan Emosi Ketua dalam Elemen Tadbir Urus Insan dari Perspektif Model Kerohanian Imam Al-Ghazali.* [http://eprints.uthm.edu.my/2384/1/kecerdasan\\_emosi\\_ketua\\_dalam\\_elemin\\_tadbir.pdf](http://eprints.uthm.edu.my/2384/1/kecerdasan_emosi_ketua_dalam_elemin_tadbir.pdf), di akses pada 12 februari 2015.
- Taftazani, Abu Al-Wafa' Al-Ghanimi. (1996). *Perkembangan Tasawuf Islam.* Terj. Abd. Shukor & Mudasir. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Wan Mohd Nor. (2014). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M.Naquib Al-Attas : Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi.* Cet. 6. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Wan Suhaimi. (2013). *Ibn Sina dan Pembangunan Modal Insan: Analisis Kitab Al-Siyasah.* Kuala Lumpur: Center for Advanced Studies on Islam Science and Civilization.
- Yatimah & Mohd Tajuddin. (2008). *Teori Kaunseling Al-Ghazali.* Selangor: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.